

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KE-13 (2017)

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATUK LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGAM]

SOALAN :

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah lantikan ke dalam perkhidmatan awam bagi jawatan Pegawai Tadbir Diplomatik M41 dari tahun 2013 sehingga kini mengikut pecahan umur, jantina, kaum dan negeri.

JAWAPAN : YB DATUK JOSEPH ENTULU BELAUN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan calon yang dilantik ke dalam perkhidmatan awam bagi jawatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41 mengikut pecahan tahun adalah seperti di Lampiran 1.

LAMPIRAN 1**STATISTIK PELANTIKAN BAGI JAWATAN PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK**

PERKARA	2013	2014	2015	2016*
Keturunan Calon				
Melayu	129	161	161	328
Cina	12	15	7	25
India	15	15	9	17
Bumiputera Sabah	5	8	5	9
Bumiputera Sarawak	4	10	7	14
Orang Asli		3	1	2
Lain-lain	4	4	4	2
Jumlah	169	216	194	397

Jantina				
Lelaki	85	95	82	186
Perempuan	84	121	112	211
Jumlah	169	216	194	397

PERKARA	2013	2014	2015	2016*
Negeri Kelahiran				
Johor	16	23	27	44
Kedah	16	9	10	22
Kelantan	10	19	18	32
Melaka	8	4	5	13
Negeri Sembilan	9	8	8	17
Pahang	10	15	9	20
Pulau Pinang	6	14	11	18
Perak	15	25	21	50
Perlis		5	2	3
Selangor	13	15	17	28
Terengganu	10	8	4	19
Sabah	11	18	14	19
Sarawak	10	16	15	34
Wilayah Persekutuan K.Lumpur	32	34	29	74
Wilayah Persekutuan Labuan		1	2	
Wilayah Persekutuan Putrajaya				
Luar negara	3	2	2	4
Jumlah	169	216	194	397

* Data 2016 merupakan bilangan calon yang diterima mengikuti Kursus Kadet PTD. Calon hanya akan dilantik ke dalam perkhidmatan awam jika lulus dengan jayanya kursus tersebut.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS : **TUAN SIM CHEE KEONG**
DARIPADA [**BUKIT MERTAJAM**]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada permohonan untuk bangunan tambahan SRJKC Permatang Tinggi Bukit Mertajam yang tertunda lebih lapan tahun sudah diluluskan untuk Rolling Plan ke-2 Rancangan Malaysia Ke-11. Jika ya, bila perlaksanaan pembinaan, jika tidak, mengapa dan bila akan diluluskan

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Projek pembinaan bangunan tambahan SJKC Permatang Tinggi, Bukit Mertajam tidak diluluskan dalam *Rolling Plan* (RP) 1 dan RP 2 Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11). Permohonan akan disenaraikan semula dalam RP 3 RMKe-11. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya tertakluk kepada kelulusan agensi pusat dan kemampuan kewangan negara.